

KURSUS UMUM UM01/20: CINTA SAMPAI SYURGA

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Kursus Umum UM01/20: Cinta Sampai Syurga pada 12 hingga 14 Februari 2020 bertempat di Pusat Kecermelangan Ukur Kadaster (PKUK), Blok Akademik C, INSTUN. Kursus ini disertai oleh 28 orang peserta terdiri dari pelbagai jawatan dan gred dari pelbagai agensi dan kementerian termasuk kakitangan INSTUN sendiri. Penceramah terdiri dari Pegawai Jabatan Agama Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Slim River serta Universiti Perguruan Sultan Idris. Objektif kursus ini adalah untuk menjelaskan konsep memahami, menyayangi, menghormati dan komunikasi efektif dalam hubungan kekeluargaan dan mempromosi keharmonian keluarga agar dapat mendorong prestasi kerja yang cemerlang.







